

TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK MENGENAI FAKTOR PENGELUARAN SIMPANAN PERSARAAN SEMASA PANDEMIK COVID 19

¹Claudia Jiton

²Dzurizah Ibrahim

^{1&2}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
idzuri@ums.edu.my

Tarikh dihantar: 19 Mei 2023 / Tarikh diterima: 14 Jun 2023

Abstrak Kajian ini membincangkan tentang faktor pengeluaran simpanan persaraan semasa pandemik COVID 19 melalui tinjauan literatur sistematik. Kebolehpasaran kerja telah terjejas secara mendadak akibat daripada SARS-CoV-2 yang menyebabkan pandemik yang dinamakan COVID 19 yang melanda seluruh dunia pada penghujung tahun 2019 sehingga menyebabkan perintah berkurung dan kawalan pergerakan daripada awal tahun 2020 bagi mencegah penyakit yang membawa maut tersebut. Golongan pekerja paling terjejas kerana ada yang telah dibuang kerja mahupun mengalami pengurangan mendadak dari segi pendapatan sehingga menyebabkan kerajaan dan penggubal polisi setiap negara di dunia untuk menawarkan bantuan kewangan bagi membantu mereka yang terjejas. Keselamatan sosial yang baik sebenarnya penting sebagai jaminan kepada pekerja untuk mendapatkan faedah apabila berlakunya perkara yang tidak terduga seperti pandemik COVID 19. Maka, ada negara yang membenarkan pengeluaran awal wang simpanan persaraan semasa pandemik dengan tujuan membantu golongan yang terjejas. Namun demikian, keputusan tersebut sebenarnya cuma penyelesaian jangka masa pendek yang membawa kepada risiko jangka masa panjang. Analisis tematik digunakan untuk mengalpasti dan menerangkan hasil kajian berkaitan dengan faktor pengeluaran wang simpanan persaraan menggunakan sorotan kajian lepas terbitan tahun 2020 sehingga 2023. Justeru, kajian mengenai faktor pengeluaran awal wang simpanan persaraan semasa pandemik adalah penting bagi membolehkan kajian masa depan melihat secara holistik faktor yang mendesak kepada pengeluaran wang simpanan persaraan semasa pandemik COVID 19.

Katakunci: Simpanan Persaraan; Keselamatan Sosial; Pandemik Covid19; Pengeluaran Awal

PENDAHULUAN

COVID 19 telah memberi kesan yang negatif terhadap ekonomi dan masyarakat di seluruh dunia yang mana kerajaan yang mentadbir setiap negara telah memberi pelbagai jenis bantuan bagi menangani kesan tersebut. Salah satu bantuan yang diberikan adalah melalui pengeluaran awal wang simpanan persaraan pekerja. Namun begitu, menurut Kay dan Borzutzky (2022), kebenaran untuk mengeluarkan wang persaraan sebelum bersara khususnya semasa pandemik boleh membawa kepada kesan negatif kepada baki simpanan persaraan di masa hadapan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

COVID 19 yang telah melanda seluruh dunia sejak penghujung tahun 2019 dan semakin parah sejak awal tahun 2020 merupakan masalah kesihatan yang dikaitkan dengan sistem pernafasan telah diisyiharkan sebagai pandemik global yang bermula di Wuhan, China sehingga merebak ke seluruh dunia, sebahagiannya disumbangkan oleh industri penerbangan (Salim, Chan, Mansor, Bazin, Amaran, Faudzi, Zainal, Huspi, Khoo & Shithil , 2020). Pandemik COVID 19 telah menyebabkan pelbagai masalah dan cabaran yang tidak diduga terutamanya dari segi seperti kesihatan, sosio-ekonomi dan kemanusiaan. Banyak organisasi dan industri telah melaksanakan cuti tidak bergaji gaji dan memberhentikan pekerja kesan daripada pandemik tersebut (Nga, Ramlan & Naim, 2021).

Keselamatan sosial bagi golongan pekerja adalah penting untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat dalam dekad ini kerana keselamatan sosial mampu memberi faedah kepada pekerja dan tanggungannya terutama jika berlakunya situasi luar jangka. Keselamatan sosial merupakan sistem pembayaran bantuan daripada pihak kerajaan kepada individu yang sakit, miskin dan tidak mempunyai pekerjaan (Jamaluddin, Yuen & Abu Taher, 2021). Keselamatan sosial boleh membantu golongan pekerja di saat tidak terduga atau kecemasan melalui faedah yang diperolehi dan keselamatan sosial telah dianggap sebagai hak asasi manusia serta membantu mengekalkan taraf hidup apabila mengalami kekangan dari segi sosial dan ekonomi (Bloom dan McKinnon, 2013; Mchomvu, Tungaraza dan Maghimbiri, 2002). Oleh yang demikian, keselamatan sosial sebenarnya membantu manusia bagi mengekalkan kualiti hidup seperti sedia kala terutama apabila terpaksa berhadapan dengan situasi yang menyebabkan kekangan dari segi sosial dan ekonomi. Maka, menjadi hak asasi manusia untuk mendapatkan jaminan kualiti hidup masing-masing menerusi keselamatan sosial yang terjamin yang juga bertindak sebagai jaringan keselamatan di saat berlakunya perkara yang tidak terduga seperti pengangguran yang diakibatkan oleh pandemik COVID 19 (Jamaluddin et al., 2021). Bukan sahaja ramai golongan pekerja di seluruh dunia telah dibuang kerja sebagai respon majikan terhadap cara menangani isu COVID 19 bagi menyelamatkan organisasi, malahan ramai yang terpaksa menerima nasib potongan gaji kerana perintah berkurung yang menyebabkan banyak organisasi tidak dapat meneruskan operasi seperti sebelum pandemik.

Justeru, salah satu cara bagi sesetengah negara menangani situasi akibat pandemik COVID 19 adalah dengan menyediakan pelbagai bantuan kewangan dalam membantu golongan pekerja yang terjejas akibat pandemik itu, terutamanya dari segi kewangan, termasuk membenarkan pengeluaran simpanan persaraan khas semasa pandemik. Antara negara yang terlibat adalah seperti Australia, Belgium, Canada, Colombia, Denmark, Estonia, Finland, France, Iceland, Peru, Portugal, Chile, Slovak Rep., Spain, United Kingdom dan Amerika Syarikat antara lain, yang telah memudahkan peraturan simpanan persaraan dan/atau penalti tanpa mengambil kira kesan jangka panjang ke atas persaraan (Lorca, 2020; OECD, 2020). *The Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD, 2020), sebuah

organisasi antarabangsa yang bertujuan membangunkan dasar yang lebih baik untuk kehidupan yang lebih baik, telah mengenal pasti enam tindak balas dasar utama terhadap\pandemik yang mungkin boleh menjelaskan simpanan persaraan. Berdasarkan OECD (2020), dasar itu direka untuk mengehadkan kerugian pelaburan yang terwujud, menjamin kesolvenan pelan persaraan dan majikan, sumbangan subsidi, menangani gangguan operasi, melindungi daripada penipuan dan serangan siber, dan menyediakan bantuan jangka pendek melalui akses awal kepada simpanan persaraan. Lima dasar pertama adalah yang terbaik untuk diterima pakai semasa krisis, tetapi dasar terakhir, yang memberikan bantuan jangka pendek, menimbulkan banyak risiko di masa hadapan kerana simpanan tersebut sepatutnya menjadi punca kelangsungan hidup selepas bersara. Oleh itu, melalui kebenaran untuk mendapatkan akses kepada simpanan persaraan semasa pandemik, pekerja mengambil peluang untuk mengeluarkan simpanan persaraan mereka untuk mengekalkan taraf hidup mereka. Maka, kajian ini bertujuan untuk menjalankan tinjauan literatur sistematik mengenai faktor pengeluaran simpanan persaraan semasa pandemik COVID 19.

PERMASALAHAN KAJIAN

Lompang yang ingin diisi melalui kajian ini adalah lompang empirikal mengenai faktor pengeluaran awal wang simpanan persaraan semasa pandemik COVID 19 melalui tinjauan kajian lepas. Kajian berkaitan dengan pengeluaran simpanan persaraan semasa pandemik kurang dijalankan walaupun perkara tersebut perlu dititikberatkan memandangkan fenomena tersebut adalah situasi yang baru di abad ini yang telah menjelaskan seluruh dunia. Menurut Gustman dan Steinmeier (2015), kajian di masa hadapan perlu mengkaji kenapa individu perlu mengeluarkan wang daripada simpanan persaraan walaupun sebelum bersara. Apatah lagi dengan pandemik COVID 19 yang muncul tanpa diundang, maka perlunya kajian untuk mengkaji faktor yang menggalakkan golongan pekerja untuk mengeluarkan wang simpanan persaraan semasa pandemik. Selain itu, kajian tinjauan sorotan literatur sistematik ini turut dijalankan bagi mengisi lompang literatur. Setakat ini, terdapat literatur yang terhad dalam topik faktor pengeluaran simpanan persaraan semasa pandemik COVID 19 di Malaysia. Akibat kurangnya perhatian oleh ahli akademik mengenai topik berkenaan faktor pengeluaran simpanan persaraan semasa pandemik COVID 19 memandangkan ia merupakan isu baharu, pengkaji di masa hadapan perlu mendapatkan penemuan penyelidikan yang komprehensif dan holistik bagi topik kajian ini. Tinjauan sorotan literatur sistematik mengenai faktor pengeluaran simpanan persaraan dapat membantu dalam memahami dan mengenal pasti faktor yang membawa kepada pengeluaran simpanan persaraan dalam kalangan individu yang mempunyai tabung simpanan persaraan dan telah melakukan pengeluaran semasa pandemik. Justeru, kajian literatur sistematik akan digunakan dalam kajian ini serta menumpukan kepada faktor yang membawa kepada pengeluaran simpanan persaraan semasa pandemik COVID 19.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Onwuka (2021) menyatakan bahawa pekerja menyimpan wang semasa masih aktif bekerja bagi tujuan persaraan atau kecemasan. Oleh itu, kebanyakan individu menyimpan lebih banyak apabila pendapatan mereka tinggi dan kurang menyimpan apabila pendapatan menurun, terutamanya mereka yang kehilangan pekerjaan atau dipotong gaji (Lim, Tenk, Teoh & Lee, 2021; Lee & Hanna, 2020). Semasa pandemik COVID 19, isi rumah berpendapatan rendah

lebih cenderung untuk menggunakan program bantuan kewangan kerajaan, termasuk pengeluaran simpanan persaraan (Argento, Bryant & Sabelhaus, 2015; Zulfaka & Kassim, 2020). Beberapa penyelidik telah mula memahami faktor-faktor yang membawa kepada pengeluaran simpanan persaraan. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu memfokuskan pada pengeluaran awal sebelum pandemik berbanding analisis mendalam tentang faktor pengeluaran awal akibat pandemik COVID 19. Gustman dan Steinmeier (2013) menasihatkan bahawa penyelidik masa depan harus mengkaji mengapa orang lebih suka mengambil simpanan keselamatan sosial lebih awal walaupun mereka sepatutnya menunggu untuk kegunaan persaraan. Oleh itu, pemahaman mengenai corak pengeluaran boleh membantu menentukan sama ada mengehadkan pengeluaran awal akan membantu memastikan orang yang bersara mempunyai wang yang mencukupi semasa bersara (Mohd Jaafar, Awang, Mansor, Jani & Abd Rahman 2021). Nurhisham Hussein, ketua pegawai strategi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Malaysia, berkata pengeluaran COVID 19 telah memberi kesan kepada simpanan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sejak dua tahun lepas, dengan hanya 3% mampu menampung persaraan mereka (BERNAMA, 2021). Keadaan ini membawa kepada keimbangan kerana risiko yang dibawa oleh pengeluaran awal di masa hadapan. Sungguhpun pengeluaran yang dilakukan sebelum persaraan hanya jumlah yang sedikit berbanding dengan keseluruhan jumlah simpanan yang ada, pengeluaran tersebut mampu menyebabkan hakisan dan kekurangan dalam simpanan persaraan individu (Jeszeck et al., 2019). Tambahan pula, pengeluaran wang simpanan pekerjaan awal dari masa sepatutnya iaitu semasa persaraan mungkin mempunyai lebih banyak kesan negatif dan individu perlu berhati-hati dengan risiko pengeluaran tersebut walaupun pengeluaran itu boleh membantu memenuhi keperluan asas individu terutamanya semasa pandemik (Feher & de Bidegain, 2020; Kay dan Borzutzky, 2022). Perkara ini bermaksud, risiko jangka masa panjang akibat pengeluaran adalah melebihi kesan jangka masa pendek pengeluaran tersebut. Memandangkan pengeluaran simpanan pekerjaan semasa pandemik mengurangkan sumber persaraan menurut pengkaji, mengapa ramai masih memilih untuk membuat pengeluaran tersebut? Tinjauan literatur sistematis ini penting untuk memahami faktor pengeluaran awal, khususnya semasa pandemik COVID 19. Justeru, matlamat utama tinjauan literatur sistematis ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada pengeluaran simpanan persaraan sepanjang pandemik COVID 19 dalam kalangan individu.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan menggunakan analisis tinjauan literatur yang sistematik. Pangkalan data elektronik daripada Google Scholar yang membawa kepada pangkalan data yang pelbagai digunakan untuk mendapatkan artikel berkaitan pengeluaran simpanan persaraan semasa pandemik COVID 19. Menurut Xiaoa dan Watson (2017), Google dan Google Scholar merupakan pilihan terbaik bagi mendapatkan artikel melalui pangkalan data elektronik kerana mampu memberikan hasil pencarian lebih daripada tiga per empat daripada penerbitan akses terbuka serta paling banyak digunakan oleh ahli akademik serata dunia dari pelbagai disiplin. Kajian yang dijalankan daripada tahun 2020 sehingga tahun 2023 dipilih kerana COVID 19 berlaku pada penghujung tahun 2019, maka kebanyakan kajian yang berkaitan dengan faktor pengeluaran simpanan persaraan semasa pandemik dijalankan semenjak tahun 2020. Kriteria “*inclusion*” dan “*exclusion*” telah digunakan bagi memastikan artikel yang berkaitan dengan faktor pengeluaran wang simpanan persaraan semasa pandemik COVID 19 yang dipilih adalah

mematuhi jangka masa penyelidikan iaitu daripada tahun 2020 sehingga 2023 dan memenuhi kesesuaian penyelidikan ini. Proses “*screening*” dan “*eligibility*” juga telah dilakukan dalam penyelidikan ini untuk mendapatkan artikel yang memenuhi keperluan, skop dan tujuan kajian. Beberapa syarat seperti dibawah digunakan dalam proses penyingkiran artikel yang tidak berkaitan dan menyimpan artikel yang berkaitan dengan kajian ini.


Jadual 1: Kriteria “Inclusion” dan “Exclusion” Dalam Pangkalan Data

| Kriteria | Exclusion | Inclusion |
|---------------------|--|---|
| Tahun / Jangka Masa | Artikel dari tahun 2019 dan ke bawah | Artikel dari tahun 2020 sehingga tahun 2023 |
| Jenis Artikel | - | <i>Review Article</i> |
| Bidang Penyelidikan | Selain daripada Sains Sosial, Ekonomi dan Perniagaan | Sains Sosial, Ekonomi dan Perniagaan |
| Negara | - | Seluruh Dunia |

Proses pemilihan artikel yang bersesuaian bermula dengan mengenal pasti kata kunci dengan menggabungkan penyelidikan daripada pelbagai bidang seperti sains sosial, ekonomi dan perniagaan. Pemilihan artikel berkaitan dalam Bahsa Inggeris dan Bahasa Melayu diambil kira. Hanya penulisan yang mempunyai maklumat mengenai simpanan persaraan semasa pandemik COVID 19 antara tahun 2020 hingga 2023 telah dipertimbangkan. Seterusnya, tinjauan literatur sistematik tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pengeluaran simpanan persaraan dijalankan. Terdapat kurang penulisan dalam istilah "pengeluaran simpanan persaraan" dalam literatur saintifik. Oleh itu, carian literatur dimulakan dengan kata kunci "*retirement savings*," "*withdrawals*," "*COVID 19*," serta pelbagai sinonim untuk setiap konsep ini. Penerangan lanjut mengenai proses pemilihan adalah seperti Rajah 1.

Rajah 1: Carta Aliran Proses Kajian Literatur Sistematik

Source: Diadaptasi Daripada Gambarajah Aliran yang Dicadangkan oleh Page Et Al. (2021)



Berdasarkan Rajah 1, pangkalan data Google Scholar mengenal pasti 49 artikel yang berkaitan dengan kata kunci dan tinjauan literatur sistematik ini. Saringan telah dijalankan ke atas 49 artikel untuk memastikan artikel tersebut boleh dimuat turun. Kesemua 49 artikel telah melalui proses kelayakan dengan melihat kandungan artikel tersebut. Selepas membaca sekilas lalu artikel tersebut, 16 menjadi pusat kajian ini untuk mendapatkan penemuan mengenai faktor pengeluaran simpanan persaraan. Setelah mengenal pasti kajian yang berkaitan dan sesuai bagi tinjauan literatur sistematik ini, kajian ini mula menyusun literatur yang sesuai dengan tinjauan literatur sistematik ini. Kemudian artikel yang paling relevan dipilih dan dimasukkan ke dalam kajian literatur akhir untuk tinjauan literatur sistematik ini. Akhir sekali, kajian ini menyusun tinjauan literatur mengikut tema yang sesuai setelah rumusan terhadap artikel yang berkaitan dilakukan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Tinjauan literatur sistematik ini telah mengenalpasti lima tema utama berkaitan faktor pengeluaran simpanan persaraan semasa pandemik COVID 19. Tema yang telah dikenalpasti merupakan keadaan ekonomi, pengangguran, kejutan akibat pendapatan yang negatif, langkah berjaga-jaga dan tujuan untuk mengalihkan lokasi simpanan persaraan. Hasil analisis artikel berkaitan telah membentuk tema yang berkaitan dengan kajian ini. Berikut adalah pecahan artikel mengikut tema selepas pembacaan dan tinjauan literatur sistematik dijalankan.

Tema 1: Keadaan Ekonomi

Berdasarkan kajian Khalid (2020), pandemik COVID 19 meningkatkan kadar pengangguran Malaysia sehingga menyebabkan kerugian sebanyak RM63 bilion. Pandemik melanda ekonomi dengan teruk mengakibatkan perusahaan kecil dan sederhana telah dilaporkan tidak mempunyai pendapatan. Akibatnya, banyak perusahaan terpaksa memberhentikan atau memberi kakitangan mereka cuti tanpa gaji, mengakibatkan kadar pengangguran yang tinggi. Menurut Jeszeck et al. (2019), responden kajian yang telah dilakukan membuat pengeluaran awal untuk memenuhi keperluan kewangan akibat keadaan yang mendesak. Walau bagaimanapun, tinjauan kajian menyeluruh mendedahkan bahawa keadaan ekonomi memberi kesan ketara kepada pengeluaran simpanan persaraan. Di Malaysia, keadaan ekonomi semasa pandemik membawa kepada gelagat simpanan persaraan yang positif yang mana individu menjadi lebih berhati-hati dalam merancang kewangan walaupun keadaan tersebut mengurangkan jumlah simpanan selepas pengeluaran dilakukan (Lim et al., 2021). Ini bermaksud, walaupun individu lebih berhati-hati menggunakan wang yang dikeluarkan, tindakan mengeluarkan wang simpanan persaraan tetap mengurangkan jumlah keseluruhan simpanan persaraan tersebut.

Tambahan pula, menurut Derby, Goodman, Mackie and Mortenson (2020), di Amerika Syarikat, golongan bekerja mengeluarkan wang simpanan persaraan akibat terdesak dan bukan kerana menyahut polisi pengeluaran yang dibenarkan oleh kerajaan semasa pandemik. Akan tetapi, Hamilton, Liu dan Sainsbury (2023) dalam kajian di Australia menyatakan kebanyakan peserta kajian mereka melakukan pengeluaran wang simpanan persaraan semasa pandemik disebabkan oleh kesejahteraan kewangan yang lemah, kadar pra-pengeluaran yang tinggi bagi pengeluaran tunai dan perjudian, dan juga disebabkan faktor umur yang mana golongan lebih

muda lebih ramai melakukan pengeluaran. Sungguhpun begitu, Bateman, Dobrescu, Liu, Newell and Thorp (2021), lebih separuh daripada responden dalam kajian mereka di Australia mengeluarkan simpanan persaraan untuk menampung perbelanjaan dalam jangka masa pendek atau mengantikan kesan akibat kehilangan pendapatan disebabkan keadaan ekonomi semasa pandemik. Sekiranya ekonomi merosot, ia akan membawa kesan negatif seperti peningkatan pengangguran dan individu kehilangan pekerjaan sehingga terpaksa mengeluarkan simpanan persaraan awal untuk menampung perbelanjaan semasa kecemasan. Tambahan pula, di Vietnam, sejak beberapa tahun kebelakangan, ramai pekerja terpaksa mengeluarkan insurans sosial walaupun belum bersara akibat kehilangan pekerjaan, menampung keluarga, membayar hutang dan untuk perbelanjaan harian terutamanya semasa pandemik COVID 19 (Le, 2023). Oleh itu, Lim et al. (2021) dan Derby et al. (2020) mendapati keadaan ekonomi individu mempengaruhi keputusan mereka untuk pengeluaran wang simpanan pekerjaan lebih awal. Maka, tinjauan literatur sistematik telah mendapati keadaan ekonomi merupakan salah satu faktor penting yang menyumbang kepada pengeluaran awal wang simpanan persaraan semasa pandemik COVID 19 menjelaskan seluruh dunia.

Tema 2: Pengangguran

Pengeluaran wang simpanan persaraan, menurut Butrica, Zedlewski, dan Issa (2010), dapat dikaitkan dengan perkara yang tidak diduga seperti kehilangan pekerjaan dan keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan, dan kajian yang dijalankan menganggarkan bahawa keadaan yang tidak terduga ini menyumbang kira-kira 40% daripada kerugian simpanan persaraan, manakala perubahan pekerjaan menyumbang 10% lagi kerugian dalam simpanan persaraan. Butrica et al. (2010) turut menambah bahawa godaan bagi mengeluarkan simpanan persaraan dan kehilangan keupayaan untuk bekerja telah mendorong kepada peningkatan dalam pengeluaran wang simpanan persaraan. Bateman, Dobrescu, Liu, Newell and Thorp (2023) turut menyatakan dalam kajian mereka 44% daripada sampel kajian mereka telah diberhentikan daripada pekerjaan sebelum atau disebabkan oleh COVID 19 sehingga terpaksa melakukan pengeluaran awal untuk kegunaan jangka masa pendek dan sebagai langkah berjaga-jaga. Di Malaysia pula, pandemik COVID-19 telah menyebabkan kehilangan pendapatan bagi golongan pekerja akibat ramai pekerja terpaksa menggunakan akaun persaraan mereka untuk terus hidup (Mohd Isa & Daukin, 2023). Namun begitu, adakah keputusan untuk membuat pengeluaran awal adalah disebabkan oleh pengangguran, atau adakah mereka yang masih bekerja juga memilih untuk membuat pengeluaran awal? Pengeluaran awal semasa pandemik COVID 19 di Amerika Syarikat, menurut Blanchett et al. (2020), kebanyakannya didorong oleh kehilangan pekerjaan yang menyebabkan individu menganggur. Menurut Khalid (2020), di Malaysia, kerugian yang dihadapi oleh organisasi, khususnya perusahaan kecil dan sederhana, menyebabkan kadar pengangguran lebih tinggi, dengan 47.4% individu mendapat diskon utiliti dan 41.2% menerima pengeluaran wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Tambahan pula, kehilangan sumber pendapatan akibat pengangguran semasa pandemik mungkin mendorong orang ramai untuk menuntut jaminan sosial lebih awal daripada yang sepatutnya, menjelaskan simpanan persaraan mereka (Rappaport & Siegel, 2020). Bahkan, dalam kajian mereka terhadap pekerja di Amerika Syarikat, Derby et al. (2020) mendakwa bahawa peningkatan ketara dalam pengangguran pada tahun 2020 mungkin hanya mengakibatkan peningkatan pengeluaran wang simpanan persaraan semasa pandemik tersebut.

Justeru, menurut Achou et al. (2020), golongan tua cenderung untuk berhenti mencarum dalam simpanan persaraan dan menggunakan sebahagian daripada wang persaraan mereka untuk melancarkan penggunaan setelah mengalami penurunan pendapatan. Menurut Jusoh @ Hussain et al. (2020), kejutan pendapatan semasa pandemik COVID 19 dalam kalangan rakyat Malaysia adalah kejadian yang tidak dijangka yang memberi kesan kepada perbelanjaan pengguna dan ekonomi serta disebabkan oleh kehilangan pekerjaan, pengangguran dan pengurangan gaji. Maka, kebanyakannya kajian yang berkaitan dengan faktor yang membawa kepada pengeluaran awal wang simpanan pekerjaan adalah disebabkan oleh pengangguran akibat daripada kehilangan pekerjaan semasa pandemik COVID 19.

Tema 3: Kejutan Pendapatan Yang Negatif

Semasa pandemik COVID 19, Jusoh @ Hussain et al. (2020) menyifatkan kejutan pendapatan negatif dalam kalangan rakyat Malaysia sebagai "kejadian yang tidak terjangka" yang membawa kepada kesan negatif terhadap perbelanjaan pengguna serta ekonomi negara. Apabila orang kehilangan pekerjaan dan kekurangan atau kehilangan sumber pendapatan, penggunaan isi rumah turut berkurangan, mengakibatkan kemerosotan ekonomi. Bilamana berhadapan dengan keadaan seperti kehilangan pekerjaan, perceraian atau kelahiran anak, ramai keluarga berpendapatan rendah tidak mempunyai pilihan selain daripada mengakses kepada simpanan persaraan mereka (Lee & Hanna, 2020). Menurut Rappaport dan Siegel (2020), responden dari seluruh dunia, terutamanya dari Amerika Utara, menyatakan kebimbangan bahawa kehilangan sumber pendapatan akibat kehilangan pekerjaan semasa pandemik mungkin mendorong orang ramai untuk menuntut jaminan sosial lebih awal daripada yang sepatutnya, menjelaskan simpanan persaraan mereka. Argento et al. (2015) pula mendapati keluarga berpendapatan rendah lebih cenderung melakukan pengeluaran simpanan pekerjaan kerana lebih terdedah kepada kejutan pendapatan yang negatif. Bahkan, responden yang berpendapatan rendah lebih cenderung melakukan pengeluaran simpanan persaraan dan meminta untuk mengurangkan sumbangan bulanan dalam simpanan pekerjaan (Zulfaka dan Kassim, 2020).

Menurut Lim et al. (2021), kebanyakannya individu akan menyumbang lebih dalam akaun persaraan mereka apabila gaji mereka meningkat. Walau bagaimanapun, kemelesetan ekonomi yang disebabkan oleh pandemik COVID 19 telah mengurangkan keseluruhan pendapatan isi rumah, meletakkan risiko kepada simpanan persaraan (Lim et al., 2021). Walau bagaimanapun, Bateman et al. (2021) menyatakan bahawa rakyat Australia yang mempunyai tahap pendapatan tertinggi adalah yang paling berkemungkinan mengeluarkan jumlah maksimum, diikuti oleh mereka yang mempunyai tahap pendapatan terendah. Menurut Bateman et al. (2021), ini mungkin kerana peserta berpendapatan tinggi percaya bahawa pengeluaran awal adalah lebih mudah untuk diganti dengan perubahan gaji di masa hadapan justeru mengeluarkan jumlah maksimum. Walau bagaimanapun, Lorca (2020) mendapati bahawa pekerja berpendapatan tinggi di Chile berkemungkinan kecil untuk menghadapi masalah kewangan yang mengurangkan kecenderungan untuk melakukan pengeluaran awal wang simpanan pekerjaan semasa pandemik. Ini kerana individu berpendapatan tinggi di Chile mempunyai dana atau sumber tambahan di luar skim pencen persaraan wajib (Lorca, 2020). Walau bagaimanapun, disebabkan kurangnya penyelidikan mengenai kesan kejutan pendapatan yang negatif, masih sukar melakukan perbandingan menyeluruh mengenai perbezaan pengeluaran antara golongan berpendapatan tinggi dan rendah. Namun begitu, daripada tinjauan literatur sistematik melalui

kajian yang sedia ada, golongan yang berpendapatan rendah lebih cenderung melakukan pengeluaran awal wang simpanan pekerjaan untuk menampung kehidupan seperti sebelum berlakunya pandemik yang membawa kepada pengangguran dan kehilangan sumber pendapatan.

Tema 4: Langkah Berjaga-Jaga

Individu mesti melengkapkan diri mereka dari segi kewangan untuk berhadapan dengan keadaan yang tidak dijangka untuk mengekalkan taraf hidup mereka bagi mengelakkan beban kewangan masa depan. Menurut Bateman et al. (2023), responden mereka di Australia telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengeluarkan simpanan persaraan lebih awal seperti yang dibenarkan oleh kerajaan semasa pandemik kerana bimbang akan tekanan kewangan di masa depan dan kebimbangan mengenai kejatuhan nilai aset. Kegusaran sedemikian boleh difahami memandangkan ketidakpastian tentang jangka masa kemelesetan ekonomi yang disebabkan oleh pandemik dan disebabkan banyak langkah bantuan lain yang belum lagi dilaksanakan oleh kerajaan (Bateman et al., 2021). Derby et al. (2020) pula menegaskan bahawa individu bekerja di Amerika Syarikat lebih banyak mengeluarkan wang simpanan pekerjaan pada tahun 2020 iaitu tahun yang sama merebaknya pandemik COVID 19 pada masa yang sama didorong oleh kebenaran untuk mengeluarkan wang simpanan persaraan, atas sebab berkaitan COVID 19. Malahan, menurut Lee dan Hanna (2020), kesan daripada COVID 19 dan polisi yang membenarkan pengeluaran simpanan persaraan di Amerika Syarikat, besar kemungkinan pengeluaran dilakukan untuk berhadapan dengan kejutan kewangan dan bukan kewangan. Justeru, beberapa kajian lepas bersetuju bahawa individu terdorong untuk melakukan pengeluaran awal wang simpanan pekerjaan atas langkah berjaga-jaga bagi memastikan kehidupan lebih terjamin di masa hadapan akibat daripada ketidaktentuan ekonomi sepanjang tempoh pandemik yang tidak ada siapa tahu penghujungnya.

Tema 5: Untuk Mengalihkan Lokasi Simpanan Persaraan

Semasa pandemik, kebanyakan negara membenarkan pengeluaran awal wang simpanan pekerjaan bagi tujuan kecemasan menyebabkan ramai individu mengambil peluang tersebut sebaiknya. Sama ada mereka memerlukan wang untuk terus hidup ataupun untuk tujuan lain, terdapat individu yang melakukan pengeluaran untuk menyimpan atau melabur di tempat lain. Menurut Lim et al. (2021), peratusan pekerja yang mengutamakan konsep "menyimpan untuk persaraan" telah menurun, daripada lebih separuh sebelum pandemik tercetus kepada kurang separuh daripada pekerja yang dikaji pada masa ini, sama ada caruman simpanan persaraan mereka telah berkurangan atau wang telah berkurangan kerana telah dikeluarkan daripada simpanan persaraan mereka. Selain itu, menurut Rappaport dan Siegel (2020), COVID 19 telah mewujudkan ketidakpastian dalam kalangan individu mengenai pelaburan simpanan pekerjaan, menjadikan pelan simpanan persaraan menjadi tidak stabil. Tambahan pula, menurut Kay dan Borzutzky (2022), individu yang menyokong pengeluaran simpanan persaraan berpendapat bahawa, semasa keadaan kecemasan, pekerja mempunyai hak untuk mengakses wang simpanan pekerjaan mereka kerana hakikat bahawa akaun ini adalah milik pekerja dan bukan milik negara. Akibat daripada tren terkini, ada dalam kalangan individu yang sudah kurang mempercayai sistem simpanan pekerjaan. Kesannya, minoriti yang besar melihat pengeluaran awal sebagai peluang untuk mengalihkan simpanan persaraan mereka

kepada simpanan berjaga-jaga atau mengimbangi semula pegangan aset daripada pelaburan persaraan dan melabur ke arah asset yang lain (Bateman et al., 2021).

Berdasarkan tema 1, 2 dan 3, pandemik COVID 19 telah mengubah keadaan ekonomi secara mendadak. Ramai individu diberhentikan kerja, dan ramai yang menganggur akibat daripada operasi organisasi yang terganggu menyebabkan kerugian. Akibatnya, ramai mengalami kejutan pendapatan negatif dan tidak dapat mengekalkan taraf hidup seperti sebelum pandemik. Dengan dasar yang membenarkan pengeluaran simpanan persaraan, ramai yang mengambil peluang untuk mengeluarkan jumlah yang dibenarkan oleh kerajaan. Bukan sahaja dasar kerajaan, malahan di Malaysia contohnya, gesaan oleh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia untuk penggubalan undang-undang bagi melindungi pekerja yang terjejas terutamanya akibat COVID 19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan oleh kurangnya perlindungan semasa PKP dari segi keselamatan sosial di Malaysia khususnya bagi golongan pekerja, bekerja sendiri dan kumpulan yang terdedah (Jamaluddin et al., 2021). Malahan, bagi membantu pekerja, majikan di Malaysia telah menyertai program subsisi gaji melalui inisiatif kerajaan yang mana majikan tidak dibenarkan untuk memberhentikan pekerja mahupun memberi cuti tanpa gaji kepada pekerja setelah menyertai program tersebut (Jamaluddin et al., 2021). Maka, kerjasama antara aktor utama dalam hubungan industri tersebut amat penting bagi menjaga kebijakan pekerja semasa pandemik.

Menurut tema 4 pula, ada individu yang melakukan pengeluaran awal wang simpanan pekerjaan sebagai langkah berjaga-jaga untuk masa depan kerana ketidaktentuan ekonomi akibat pandemik yang sedang berlaku. Manakala dalam tema 5, orang ramai juga mengeluarkan simpanan persaraan mereka untuk melabur dalam pelaburan yang berbeza dan juga melabur dalam aset.

IMPLIKASI DAN CADANGAN

Persoalan telah timbul mengenai liputan sistem keselamatan sosial semasa akibat oleh pandemik, perintah berkurng dan pelbagai jenis bantuan daripada kerajaan, pandemik, perintah berkurng dan bantuan oleh kerajaan kerana pandemik telah membuktikan Keselamatan sosial tidak dapat melindungi masyarakat secara keseluruhannya (Jamaluddin et al., 2021). Jika sesebuah negara memutuskan untuk menggunakan pengeluaran simpanan persaraan untuk mengurangkan krisis ekonomi, ia mesti membangunkan mekanisma untuk memproses dan mengagihkan jumlah yang dibenarkan mengikut protokol kesihatan dan keselamatan yang dibentuk sebagai tindak balas kepada pandemik COVID 19 (Bosch, Cabrita Felix, García- Huitrón, & Silva-Porto, 2020). Selain daripada itu, Jamaluddin et al. (2021) mencadangkan bagi penilaian semula struktur keselamatan sosial sedia ada dan mengenalpasti strategi bagi pembaharuan yang boleh membantu masyarakat.

Polisi kerajaan dalam membendung penularan COVID 19 melalui kawalan pergerakan khususnya telah memberi kesan yang negatif kepada pelbagai jenis pekerjaan. Kajian ini menggunakan kajian literatur sistematik daripada artikel yang diterbitkan selepas berlakunya pandemik untuk mengenal pasti faktor yang berkaitan dengan pengeluaran simpanan persaraan. Dari segi implikasi praktikal, kajian ini akan menyumbang kepada sekurang-kurangnya satu aspek pengeluaran simpanan persaraan. Terdapat jurang pengetahuan yang jelas dalam penyelidikan terdahulu mengenai faktor pengeluaran keselamatan sosial awal, khususnya semasa pandemik COVID 19 yang mana kurang kajian berkaitan telah dijalankan. Maka, adalah penting untuk menjalankan lebih banyak kajian yang berkaitan di masa hadapan bagi

membantu penggubal dasar dan kerajaan dalam menangani kesan akibat pengeluaran wang simpanan persaraan semasa pandemik melalui penambahbaikan sistem keselamatan sosial yang lebih terjamin untuk masa depan golongan pekerja.

KESIMPULAN

Terdapat terlalu banyak kesan buruk yang telah dibawa oleh pandemik COVID 19. Bukan sahaja dari aspek kesihatan dan kemanusiaan tetapi juga kesan negatif kepada golongan bekerja. Perintah berkurung yang dijalankan bagi membendung penularan penyakit tersebut semestinya memberi kesan kepada ekonomi negara menyebabkan banyak organisasi perniagaan terjejas sehingga terpaksa ditutup, dihentikan operasi dan sebagainya. Kesannya, gaji pekerja tidak dapat dibayar sehingga ada pekerja yang diberhentikan kerja, masa bekerja dikurangkan sehingga mengurangkan pendapatan bulanan. Inisiatif kerajaan untuk membenarkan pengeluaran wang simpanan persaraan semasa pandemik menyebabkan ramai individu mengeluarkan simpanan persaraan mereka disebabkan oleh keadaan ekonomi, pengangguran, kejutan pendapatan negatif, pra-jaga-jaga dan keperluan untuk mengalihkan lokasi simpanan persaraan. Feher dan de Bidegain (2020) telah memberi amaran yang mana pengeluaran wang simpanan persaraan semasa pandemik akan membawa kesan yang buruk dan meminta individu untuk lebih berhati-hati dalam melakukan pengeluaran. Maka, pelaku utama dalam hubungan industri iaitu kerajaan, majikan dan wakil pekerja turut harus memainkan peranan masing-masing bagi menjamin keharmonian di tempat kerja melalui cara mengambil kira baik buruk pengeluaran awal wang simpanan pekerjaan terhadap pekerja dan mengambil tindakan yang sesuai bagi mengurangkan kesan tersebut sebelum pekerja bersara.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan atas sokongan penaja iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Universiti Malaysia Sarawak melalui bantuan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) (UNIMAS). Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) di atas bantuan mereka dalam melaksanakan kajian ini sebagai sebahagian daripada projek PhD.

RUJUKAN

- Achou, B., Boisclair, D., D'Astous, P., Fonseca, R., Glenzer, F., & Michaud, P. (2020). Early impact of the COVID-19 pandemic on household finances in Quebec. *Canadian Public Policy*, 46(S3), S217-S235. doi:10.3138/cpp.2020-087
- Argento, R., Bryant, V. L., & Sabelhaus, J. (2014). Early withdrawals from retirement accounts during the Great Recession. *Contemporary Economic Policy*, 33(1), 1-16. doi:10.1111/coep.12064
- Bateman, H., Dobrescu, L. I., Liu, J., Newell, B. R., & Thorp, S. (2021). Determinants of early-access to retirement savings: Lessons from the COVID-19 pandemic. *SSRN Electronic Journal*. doi:10.2139/ssrn.4121240

- Bateman, H., Dobrescu, L. I., Liu, J., Newell, B. R., & Thorp, S. (2023). Determinants of early-access to retirement savings: Lessons from the COVID-19 pandemic. *The Journal of the Economics of Ageing*, 24, 100441. doi:10.1016/j.jeoa.2023.100441
- Bernama. (2021, October 31). EPF: Only 3% of contributors can afford their retirement, says chief strategy officer. *Bernama* [Kuala Lumpur].
- Blanchett, D., Finke, M. S., & Reuter, J. (2020). Portfolio delegation and 401(k) plan participant responses to COVID-19. *SSRN Electronic Journal*. doi:10.2139/ssrn.3627506
- Bloom, D. E., & McKinnon, R. (2014). The design and implementation of pension systems in developing countries: Issues and options. *International Handbook on Ageing and Public Policy*. doi:10.4337/9780857933911.00017
- Butrica, B., Zedlewski, S. R., & Issa, P. (2010). Are early withdrawals from retirement accounts a problem? (Issue Brief No. 27). Retrieved from <https://www.urban.org/sites/default/files/publication/28711/412108-Are-Early-Withdrawals-from-Retirement-Accounts-a-Problem-.PDF>
- Derby, E., Goodman, L., Mackie, K., & Mortenson, J. (2022). Changes in retirement savings during the COVID pandemic. *SSRN Electronic Journal*. doi:10.2139/ssrn.4191952
- Feher, C., & de Bidegain, I. (2020). Pension Schemes in the COVID 19 Crisis: Impacts and Policy Considerations. International Monetary Fund.
- Gustman, A. L., Steinmeier, T. L., & National Bureau of Economic Research. (2013). *Effects of Social Security policies on benefit claiming, retirement and saving*.
- Hamilton, S., Liu, G., & Sainsbury, T. (2023). Early pension withdrawal as stimulus. *SSRN Electronic Journal*. doi:10.2139/ssrn.4389699
- Hussain, N. B., @Abd Samad, K., Masdek, N. R., Abdul Rahman, N., Ismail, W. M., & Zaki, B. M. (2020). Does income shock during COVID-19 make any difference on consumption among Malaysian household. *International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences*, 9(3). doi:10.6007/ijarems/v9-i3/8007
- Jamaluddin, S. Z., Yuen Wah, F., & Abu Taher, M. (2020). COVID-19: A preliminary assessment on the Social Security framework for an aged Malaysia. *Commonwealth Law Bulletin*, 47(1), 55-71. doi:10.1080/03050718.2020.1834421
- Jeszeck, C., Lehrer, D., McMurray, J., Fernandez, G., Miskell, S., Tessin, J., & Wendel, A. (2019). Retirement savings: Additional data and analysis could provide insight into early withdrawals. *SSRN Electronic Journal*. doi:10.2139/ssrn.3389474
- Kay, S. J., & Borzutzky, S. (2022). Can defined contribution pensions survive the pandemic? The Chilean case. *International Social Security Review*, 75(1), 31-50. doi:10.1111/issr.12286
- Khalid, M. A. (2021). COVID-19: Malaysia experience and key lessons*. *Asian Economic Papers*, 20(2), 73-95. doi:10.1162/asep_a_00801
- Huong Le, T. X. (2023). Factors related to employees's one-time social insurance receiving in Vietnam: A qualitative study. *International Journal of Multidisciplinary Research and Analysis*, 06(05). doi:10.47191/ijmra/v6-i5-61
- Lee, S., & Hanna, S. D. (2020). Financial knowledge overconfidence and early withdrawals from retirement accounts. *SSRN Electronic Journal*. doi:10.2139/ssrn.3673984

- Lim, S. M., Tenk, T., Teoh, M., & Lee, T. H. (2021). Employees' retirement saving behaviour during the COVID-19 pandemic in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(3). doi:10.6007/ijarbss/v11-i3/8855
- Lorca, M. (2020). Effects of COVID-19 early release of pension funds. The case of Chile. *SSRN Electronic Journal*. doi:10.2139/ssrn.3694889
- Mchomvu, A., Tungaraza, F. S., & Maghimbi, S. (2002). Social Security systems in Tanzania: Phase I overview of Social Security in Tanzania. *Journal of Social Development in Africa*, 17(2). doi:10.4314/jsda.v17i2.23831
- Mohd Isa, M. Y., & Daukin, M. (2023). The influence of retirement goals and risk attitudes on Malaysian women's retirement planning. *Cogent Economics & Finance*, 11(1). doi:10.1080/23322039.2023.2195041
- Mohd Jaafar, N. I., Awang, H., Mansor, N., Jani, R., & Abd Rahman, N. H. (2020). Examining withdrawal in employee provident fund and its impact on savings. *Ageing International*, 46(1), 70-82. doi:10.1007/s12126-020-09369-8
- Nga, J. L., Ramlan, W. K., & Naim, S. (2021). COVID-19 pandemic and its relation to the unemployment situation in Malaysia: A case study from Sabah. *Cosmopolitan Civil Societies: An Interdisciplinary Journal*, 13(2). doi:10.5130/ccs.v13.i2.7591
- Onwuka, I. O. (2021). Tackling poverty in era of COVID-19 pandemic: The contributory pension option. *African Journal of Business Management*, 15(4), 122-132. doi:10.5897/ajbm2020.9160
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). (2020, June 22). OECD Policy Responses to Coronavirus (COVID 19). Retirement savings in the time of COVID 19. Retrieved from OECD: 10.1787/5b0fd8cd-en
- Page, M. J., McKenzie, J., Bossuyt, P., Boutron, I., Hoffmann, T., Mulrow, C., ... Moher, D. (2020). The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. doi:10.31222/osf.io/v7gm2
- Rappaport, A., & Siegel, S. (2020). Impact of COVID 19 on Retirement Risks. Society of Actuaries.
- Shithil, S. M. (2020). COVID-19 epidemic in Malaysia: Impact of lockdown on infection dynamics. doi:10.1101/2020.04.08.20057463
- Xiao, Y., & Watson, M. (2017). Guidance on conducting a systematic literature review. *Journal of Planning Education and Research*, 39(1), 93-112. doi:10.1177/0739456x17723971